

**KERATAN AKHBAR-AKHBAR TEMPATAN**  
**TARIKH: 12 JULAI 2016 (SELASA)**

Bil	Tajuk	Akhbar
1.	Firma Jepun rancang Malaysia jadi hab ASEAN	Berita Harian
2.	Jerebu bakal menyusul	Harian Metro
3.	Malaysia negara pertama terbit standard halal lengkap	Harian Metro
4.	Tunggu keputusan ujian DNA	Harian Metro
5.	Ujian DNA tentukan tulang milik pencari kayu kemuning	Kosmo

**KERATAN AKHBAR  
BERITA HARIAN (BISNES) : MUKA SURAT B3  
TARIKH : 12 JULAI 2016 (SELASA)**



Dari kiri Nishioka, Palaniappan, Abu Bakar, Zainal Abidin dan Wan Abdul Rahman pada majlis memeterai MoU antara Satake Technologies Malaysia dan SIRIM di Kuala Lumpur, semalam.

## Firma Jepun rancang Malaysia jadi hab ASEAN

→ Satake Chemical Equipment tingkat kerjasama dengan SIRIM

Oleh Lum Chee Hong  
lumch@bh.com.my

Satake Chemical Equipment, pengeluar perakasan pengadun dan pengujian industri berpangkalan di Jepun, merancang menjadikan Malaysia sebagai hab dan pintu masuk produknya ke pasaran ASEAN.

Presiden Satake Chemical, Mitsutoshi Nishioka, berkata hasrat itu bakal direalisasikan menerusi pembukaan Satake Technologies Malaysia Sdn Bhd bagi menyediakan penyelesaian menyeluruh kepada pelanggan serantau.

Beliau berkata, kerjasama dengan SIRIM akan turut meningkatkan kerjasama penyelidikan yang lebih mendalam dalam teknologi pengujian serta

membangunkan lebih ramai jurutera penguji.

"Saya harap Malaysia akan menjadi pemain utama di ASEAN dalam pembangunan sumber manusia dalam bidang ujian teknologi.

### Tingkat pembangunan industri di Malaysia

"Dengan pelancaran Satake Technologies Malaysia, kami boleh meningkatkan lagi pembangunan industri ini di Malaysia," katanya pada majlis pelancaran dan memeterai memorandum persefahaman (MoU) antara Satake Technologies Malaysia dan SIRIM Bhd di Kuala Lumpur, semalam.

Pada majlis itu, Satake Malaysia diwakili oleh Nishioka dan Pengarah Urusan Satake Technologies Sdn Bhd, Datuk J Palaniappan, manakala SIRIM diwakili Presidennya, Datuk Dr Zainal Abidin Mohd Yusof serta Pengarah Kanan Barisan Kilang dan Mesin Bahagian Penyelidikan dan Inovasi Teknologi, Dr Wan Abdul Rahman Wan Harun.

Yang turut hadir, Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Dr Abu Bakar Mohamad Diah; Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri S K Devamany dan Presiden Satake Engineering, Hiroyuki Noda.



Kerjasama dengan SIRIM akan turut meningkatkan kerjasama penyelidikan yang lebih mendalam dalam teknologi pengujian serta membangunkan lebih ramai jurutera penguji"

Mitsutoshi Nishioka,  
Presiden Satake Chemical

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) MUKA SURAT 11**  
**TARIKH: 12 JULAI 2016 (SELASA)**

## Jerebu bakal menyusul

**Kuala Lumpur:** Gelombang jerebu bakal melanda negara sekiranya cuaca panas dan kering yang dialami negara sekarang berterusan untuk tempoh lama.

Ketua Pengarah Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) Datuk Che Gayah Ismail berkata, aktiviti pembakaran tempatan dan jerebu rentas sempadan dari negara jiran boleh berlaku dalam keadaan cuaca kering.

"Fasa Monsun Barat Daya (MBD) yang bermula sejak minggu ketiga Mei lalu menyebabkan aktiviti

hujan berkurangan berbanding musim sebelum ini.

"Kesannya keadaan cuaca menjadi panas dan kering yang boleh membawa kepada masalah jerebu.

"Fenomena ini dijangka berterusan sehingga pertengahan September ini," katanya.

Menurut beliau, keadaan cuaca panas sekarang juga dipengaruhi keadaan atmosfera lebih kering yang mengurangkan aktiviti perolakan.

Namun katanya, masih terdapat hujan lebat ber-

serta ribut petir dijangka berlaku di satu dua tempat terutama pada sebelah petang.

"Semasa Monsun Barat Daya, hujan lebat berserta ribut petir dan angin kuat disebabkan kehadiran garis badai iaitu sekumpulan barisan awan ribut petir yang bergerak dari arah laut ke daratan.

"Garis badai ini kadangkala berlaku pada waktu Stibuh terutama di kawasan pantai di Selangor, Negeri Sembilan, Melaka, barat Johor, barat Sabah dan Sarawak," katanya.

**KERATAN AKHBAR**  
**HARIAN METRO (SETEMPAT) MUKA SURAT 20**  
**TARIKH: 12 JULAI 2016 (SELASA)**

## Malaysia negara pertama terbit standard halal lengkap

**Putrajaya:** Diguna pakai oleh 54 badan pensijilan halal dari 32 negara.

Itu pencapaian membanggakan buat negara apabila Standard Halal yang diguna pakai Malaysia kini dirujuk pelbagai negara di mana sebahagiannya terdiri daripada negara bukan Islam.

Ketua Pengarah Jabatan Standard Malaysia Datuk Fadilah Baharin berkata, antara negara yang melanggar Standard Halal Malaysia adalah Australia, China, United Kingdom, China, Amerika Syarikat, Sri Lanka, Korea dan Jepun.

Beliau berkata, Malaysia adalah negara pertama di dunia yang menerbitkan standard halal lengkap menerusi Standard Halal pertama iaitu Makanan Halal: Pengeluaran, Penyediaan, Pengendalian dan Penyimpanan-Garis Panduan Umum (MS 1500:2009) yang dibangunkan di bawah Sistem Pembangunan Standard Malaysia, Jabatan Standard Malaysia, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi.

"Standard Halal yang dibangunkan ini mengikut amalan baik antarabangsa dan menjadi sebahagian daripada sistem pembangunan standard kebangsaan.

"Buat masa ini, terdapat beberapa negara yang mengadaptasi Standard Halal sepenuhnya sebagai standard halal di negara masing-masing seperti Kazakhstan dan Jepun," katanya dalam kenyataan di sini, semalam.


Katanya, rujukan dan kepercayaan dimiliki Standard Halal penting bagi mengembangkan pengaruh Malaysia dalam bidang halal di peringkat antarabangsa di mana produk halal yang diiktiraf mudah untuk mendapat tempat di pasaran.

Fadilah berkata, kejayaan itu juga membolehkan Malaysia menjadi peneraju utama bidang halal selain memperluas produk halal, perkhidmatan profesional dan khidmat kepakaran bidang halal di negara bukan Islam.

Menurutnya, pihaknya turut memberi ruang jaringan kerjasama strategik bersama negara berpendapat tinggi seperti Arab Saudi berkaitan perdagangan produk, perkhidmatan, penyelidikan dan pembangunan serta pendidikan.

"Kami mahu Standard Halal Malaysia menjadi pendaara aras dan diiktiraf semua negara," katanya.

**KERATAN AKHBAR  
HARIAN METRO (SETEMPAT) : MUKA SURAT 16  
TARIKH : 12 JULAI 2016 (SELASA)**



RANGKA tulang ditemui di celah batu di Hutan Simpan Nenggiri, Pos

## Tunggu keputusan ujian DNA

**Kota Bharu:** Ujian asid deoksiribonukleik (DNA) dijalankan terhadap rangka yang ditemui di Hutan Simpan Nenggiri dekat Pos Pulat, Gua Musang, petang Sabtu lalu, bagi memastikan sama ada ia lelaki yang hilang di kawasan itu hampir sebulan lalu.

Ketua Polis Kelantan Datuk Mazlan Lazim berkata, rangka yang ditemui pasukan pencari dan penyelamat itu sudah dihantar ke Hospital Raja Perempuan Zainab II (HRPZ II), di sini, sebelum dibawa ke **Jabatan Kimia Malaysia** untuk pengesahan identiti.

Katanya, ahli keluarga dua lelaki hilang di Pos Pulat sejak sebulan lalu juga dipanggil untuk pengecaman selain mengambil sampel bagi menjalani ujian asid deoksiribonukleik (DNA).

"Sebaik selesai proses benda siasat di HRPZ II, ujian

mia dan kita buat pembandan dengan sampel DNA ahli keluarga dua lelaki hilang.

"Keputusan DNA mengambil masa seminggu dan kita minta orang ramai tidak membuat spekulasi sehingga kes ini selesai," katanya, di sini, semalam.

Sementara itu, di Gua Musang, Ketua Polis Daerah Gua Musang Suriptendan Rajah Ahad Ismail berkata, siasatan forensik

selama enam jam bermula 2 petang kelmarin turut meneliti barang milik mangsa yang ditemui berhampiran rangka.

"Rangka ditemui dalam lubang rekahan baru yang menjadi laluan air di Hutan Simpan Nenggiri, Pos Pulat

Kampung Kuala Lah, Bertam yang dilapor hilang.

"Kawasan penemuan dipenuhi pokok, batu besar serta licin. Ia berada di bahaw bukit dan tesorok di dalam rekahan.

"Anggota penyelamat hanya boleh melihatnya daripada atas dan lubang itu

boleh dimasuki seorang saja. Justeru kami guna peralatan khas milik pasukan bomba dan penyelamat untuk membawanya keluar," katanya.

Antara ditemui tulang betis kanan, tulang lengkan kiri, tengkorak yang pecah, beberapa tulang kecil kaki dan tangan.

Sebelum ini, barang milik mangsa hilang yang ditemui sepasang stoking yang diletakkan dalam sebelah kasut, seluar panjang dan sehelai hainilengsin naniang

### FAKTA

*Stoking, kasut, seluar dan boju antara barang mangsa yang ditemui sebelum ini*

**KERATAN AKHBAR  
KOSMO (NEGARA) MUKA SURAT 6  
TARIKH: 12 JULAI 2016 (SELASA)**

## Ujian DNA tentukan tulang milik pencari kayu kemuning

**GUA MUSANG** - Sampel rangka tulang yang ditemui di dalam sebuah lubang rekahan batu di Hutan Simpan Nenggiri, Pos Pulat di sini pada Sabtu lalu akan dihantar ke Jabatan Kimia di Petaling Jaya, Selangor.

Ketua Polis Daerah Gua Musang, Superintendant Rajab Ahad Ismail berkata, rangka tulang itu sudah dihantar ke Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kota Bharu lewat malam kelmarin.

Katanya, sampel tulang terbabit akan dibawa ke Jabatan Kimia di Petaling Jaya untuk dibuat ujian asid *deoksiribonukleik* (DNA) bagi tujuan pengesahan identiti.

"Hasil pencarian bersama anggota forensik kami hanya menemui tulang besar betis kanan, tulang besar lengan kiri dan serpihan tengkorak yang pecah.

"Turut dijumpai ialah satu lampu kepala, parang, sarung parang kayu, sepasang kasut getah saiz 37, sepasang stokin, sehelai seluar panjang



RAJAB AHAD

dan baju lengan panjang," katanya ketika dihubungi di sini semalam.

Dalam kejadian pada 13 Jun lalu, seorang pencari kayu kemuning, Zarani Abdullah Zawawi, 37, yang keluar menaiki kereta Proton Iswara bersama seorang penduduk Orang Asli, Sudin Salleh, 30, untuk mencari kayu itu didapati hilang hampir sebulan lalu.

Bagaimanapun, pada pukul 1.45 petang, Sabtu lalu pasukan penyelamat berjaya menemui rangka tulang di dalam lubang rekahan batu di Hutan Simpan Nenggiri, Pos Pulat di sini.

Rajab Ahad berkata, setakat ini polis percaya rangka itu adalah kepunyaan seorang individu sahaja.

"Namun, kita tetap menunggu keputusan bedah siasat sama ada mangsa terhantuk pada batu-batu tajam atau akibat perlakuan jenayah. Kita meminta orang ramai tidak membuat sebarang spekulasi sehingga mengganggu siasatan," katanya.

Misteri kehilangan dua pencari kayu kemuning sebulan lalu mungkin terungkap

### **Rangka ditemui di hutan Pos Pulat**

**GUA MUSANG** — Misi mencari kayu kemuning di hutan Pos Pulat, Gua Musang, semalam berjaya.

“Kami berjaya mendapati dua pencari kayu kemuning yang hilang sejak 13 Jun lalu.

KERATAN Kosmo! semalam.